

12 NOV 1998

APEC-BERITA-JET

JET MAHAL BARU DITEMPAH MILIK KERAJAAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan membeli jet peribadi bernilai berjuta ringgit untuk dirinya sendiri.

Beliau berkata jet itu adalah milik kerajaan.

"Ia adalah jet kerajaan, bukan milik saya, saya tidak ada wang sebanyak itu untuk membeli jet berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan model Proton Perdana V6 dan Satria GTi 1.8L di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan pemberita mengenai satu kenyataan yang dikeluarkan oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau (Dr Mahathir) telah menempah jet berharga RM200 juta dan beliau sendiri mereka bentuk perhiasan dalaman pesawat itu.

Dr Mahathir juga berkata Anwar juga menggunakan jet eksekutif kerajaan dan jika beliau berada dalam kerajaan, beliau juga akan menggunakan jet yang sama.

Beliau berkata kerajaan menjual jet sebelum ini dan terpaksa membeli jet yang baru kerana jet yang lama tidak sesuai untuk penerbangan jarak jauh.

"Kami banyak melakukan perjalanan dari satu tempat ke satu tempat," katanya.

"Beliau (Anwar) juga banyak berjalan dan beliau biasanya meminjam jet orang lain. Kami tidak mahu meminjam jet orang lain dan lebih suka menggunakan jet sendiri," katanya.

Bagi menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui kos sebenar pesawat baru itu.

Keputusan membeli jet itu dibuat tiga tahun lalu dan ia bukan suatu yang baru, katanya, sambil menambah "kami memutuskan untuk membeli pesawat itu ketika beliau (Anwar) masih menjadi Menteri Kewangan dan beliau meluluskannya."

Anwar didakwa dengan 10 tuduhan rasuah dan salah laku seks yang kesemuanya dinafikan olehnya.

Anwar, yang dipecat daripada Kerajaan pada 2 Sept lalu dan Umno pada keesokan harinya, ketika ini berdepan dengan empat tuduhan rasuah.

-- BERNAMA

TM ZK MA